



PESAKIT buah pinggang melakukan rawatan dialisis (gambar hiasan).

# Peritoneal dialisis sebagai pilihan

Rawatan ini lebih moden, gunakan lapisan perut untuk membolehkan kotoran dalam darah keluar

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@hmetro.com.my

Setiap hari, pesakit buah pinggang perlu bersabung nyawa, ternyata hari dilalui tidak seindah insan lain.

Jika rakan lain bebas melakukan aktiviti digemari, mereka terpaksa mendapatkan rawatan rutin dialisis untuk tempoh tertentu.

Penderitaan, kesakitan dan harapan pesakit buah pinggang bagi episod hidup tidak berpenghujung.

Apabila buah pinggang gagal berfungsi secara kekal, ini dikenali sebagai ESRD iaitu satu keadaan yang sudah tidak boleh dibalikkan.

Menurut laporan Pen-

daftar Dialisis dan Transplan Malaysia, pesakit buah pinggang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Berdasarkan data, seramai 6,000 pesakit baru menjalani dialisis pada 2013 dengan statistik seorang daripada setiap 885 penduduk negara ini menerima rawatan terapi gantian buah pinggang (RRT).

Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher berkata, data berkenaan nyata membimbangkan kerana dianggarkan terdapat lebih 30,000 pesakit yang menerima rawatan dialisis tahun lalu.

Beliau berkata, terdapat lima tahap penyakit ginjal kronik iaitu dari tahap satu hingga lima manakala

pesakit yang memerlukan rawatan RRT berada di tahap kronik iaitu lima.

"Hasil kajian pakar nefrologi di Kementerian Kesihatan menunjukkan terdapat kira-kira 0.36 peratus penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas menghidap penyakit ginjal kronik tahap lima.

"Ia bermakna masih ramai pesakit yang tidak menerima rawatan sepatutnya," katanya.

Dr Zaki yang juga Perunding Nefrologi Hospital Pakar Ampang Puteri berkata, meskipun berada di tahap lima, pesakit tidak seharusnya berputus asa kerana masih banyak kaedah rawatan yang boleh digunakan.

Ada tiga kaedah rawatan utama yang boleh di-

gunakan pesakit kegagalan buah pinggang (ESKD) iaitu pemindahan buah pinggang, hemodialisis dan peritoneal dialisis (PD).

## Derma buah pinggang

Bagi pesakit yang masih aktif dan tidak mempunyai masalah kesihatan lain, pemindahan buah pinggang paling disarankan. Bagaimanapun, ia memerlukan pendermaan buah pinggang daripada kaum keluarga atau orang yang sudah meninggal dunia.

"Berbanding transplan, rawatan hemodialisis digunakan secara lebih meluas. Ia menggunakan sebuah mesin untuk mengeluarkan darah daripada badan untuk ditapis meng-

gunakan buah pinggang palsu.

"Segala kekotoran dalam darah akan dikeluarkan daripada badan dan kemudian dibuang," katanya.

Perkembangan terkini bidang perubatan turut menyaksikan pelbagai inovasi baru bagi membantu pesakit menjalani kehidupan lebih selesa dan sejahtera.

Jelasnya, rawatan PD lebih moden kerana ia menggunakan lapisan perut (peritoneal membran) untuk membolehkan kotoran dalam darah keluar.

"Dalam rawatan ini, satu tiub yang dikenali sebagai 'tenckhoff catheter' dimasukkan ke dalam ruang abdomen yang ada lapisan peritoneum.

jam di dalam abdomen supaya segala kotoran dapat masuk ke dalam cecair berkenaan sebelum ia diganti dengan yang baru.

Rawatan APD pula lebih mudah kerana tugas memasukkan dan mengeluarkan cecair itu dilakukan sebuah mesin pada waktu malam.

"Hanya pasang mesin yang dikawal program komputer itu dan gantung cecair berkenaan.

"Mesin berkenaan akan mengulang proses memasukkan dan mengeluarkan cecair itu sebanyak empat hingga enam kali semalam.

"Jadi, pesakit boleh tidur lena pada waktu malam ketika rawatan dijalankan manakala pada siang hari, mereka bebas bekerja atau melakukan tugas lain," katanya.

Menurutnya, pesakit boleh memilih kaedah bersesuaian namun bagi individu yang turut menghidap penyakit jantung serius, rawatan HD tidak begitu sesuai untuk mereka.

Rawatan CAPD dan APD mempunyai kelebihan masing-masing terutama dari segi larangan makanan dan minuman yang tidak begitu ketat. Ia juga menjimatkan masa kerana pesakit boleh melakukan rawatan sendiri di rumah.

"Rawatan APD kian menjadi pilihan ramai pesakit kerana ia boleh dilakukan pada sebelah malam tanpa mengganggu aktiviti pada siang hari. Ia juga sesuai untuk golongan yang bekerja serta kanak-kanak," katanya.

## 50 peratus pilih CAPD di UK

Dianggarkan kira-kira 70 peratus pesakit di Mexico dan Hong Kong memilih rawatan PD manakala 80 peratus pesakit di Amerika Syarikat memilih kaedah hemodialisis.

Di United Kingdom (UK), dianggarkan 50 peratus pesakit memilih rawatan CAPD. Ia berbeza dengan negara ini yang mana bilangan pesakit yang memilih CAPD atau APD masih rendah iaitu kurang 10 peratus.

Rawatan hemodialisis disediakan di hospital kerajaan, swasta dan unit persendirian. Kini



**"Berbanding transplan, rawatan hemodialisis digunakan secara lebih meluas. Ia menggunakan sebuah mesin untuk mengeluarkan darah daripada badan untuk ditapis menggunakan buah pinggang palsu"**

Dr Zaki

dianggarkan terdapat lebih 700 unit mesin hemodialisis di seluruh negara.

"Rawatan CAPD dan APD juga boleh didapati di hospital kerajaan dan universiti.

"Dua syarikat antarabangsa menjadi pembekal utama pada masa ini manakala satu syarikat tempatan, Lucenxia turut membangunkan sejenis mesin APD.

"Mesin itu kini melakukan ujian klinikal dan hasilnya bakal menentukan sejauh mana ia boleh digunakan secara meluas," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Lucenxia (M) Sdn Bhd Low Chin Guan berkata, pesakit yang berminat untuk melakukan rawatan Intellis APD hanya perlu menjalani latihan mengenai penggunaan mesin berkenaan.

Ia bagi membolehkan pesakit dapat melakukan rawatan sendiri di rumah dengan lebih selesa.

"Pesakit yang berminat untuk mendapatkan ujian klinikal percubaan boleh berkunjung ke hospital awam di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Kota Bharu dan Kuala Terengganu.

"Semua maklumat lanjut mengenai ujian klinikal percubaan berkenaan boleh didapati di hospital berkenaan," katanya.